

# Universiti baru tak selesai isu pertanian

SAYA ingin menarik perhatian tulisan Persatuan Pentadbir Universiti Putra Malaysia (PPUPM) dalam akhbar ini baru-baru ini.

Inti pati tulisan tersebut adalah tidak bersetuju dengan cadangan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) yang ber-cadang untuk menubuhkan sebuah Universiti Agropolitan di negara kita.

Telah menjadi lumrah di Malaysia, pusat pengajian tinggi dan latihan kemahiran diwujudkan tanpa mengambil kira kajian yang benar-benar mendalam.

Malah tidak keterlaluan jika saya katakan bahawa banyak kes-kes sebelum ini membuktikan tindakan sedemikian tidak menyelesaikan masalah pokok!

Saya amat bersetuju dengan pandangan PPUPM dan titah Tuanku Sultan Selangor dalam majlis konvokesyen UPM baru-baru ini bahawa tidak perlu ditubuhkan Universiti Pertanian baru kerana saya ber-

pandangan langkah tersebut bukanlah penyelesaian terhadap isu pertanian dan bekalan makanan seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Tajuddin Abdul Rahman.

Apa yang sepatutnya ditumpukan oleh MOA ialah soal meningkatkan kualiti pengeluaran pertanian melalui agensi-agensi seperti MARDI dari segi keberkesanan, pembangunan modal insan di peringkat lapangan (pekerja mahir), kaedah penyampaian dan budaya kerja kakitangan pertanian (dari peringkat pengurusan tertinggi di Putrajaya hinggalah ke peringkat bawah).

Apa yang boleh dilakukan oleh MOA ialah bekerjasama dengan universiti-universiti awam yang sudah menjalankan pengajian berkaitan pertanian seperti Universiti Putra Malaysia dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) serta lain-lain IPTA dengan satu kaedah perkongsian bijak yang benar-benar mene-

pati keperluan MOA.

Ketika isu pertindanan dalam sistem latihan di Malaysia sedang hangat diperkatakan, penubuhan sebuah lagi universiti seperti dicadangkan oleh MOA akan meningkatkan lagi krisis yang sedang berlaku di negara ini.

Lebih-lebih lagi dalam usaha kerajaan untuk berbelanja secara berhemah, idea ini akan melibatkan perbelanjaan kerajaan yang besar berbanding hasil yang akan dinikmati.

Apa yang penting ialah MOA perlu melihat keperluan sebenar dan bekerjasama dengan IPTA terbabit dengan kaedah kerjasama yang benar-benar berkesan.

Dalam konteks universiti di peringkat antarabangsa, beberapa universiti terkemuka telah membuktikan bahawa kewibawaan mereka di sektor pertanian bukanlah pada gelaran 'universiti pertanian' tetapi kecemerlangannya adalah menerusi kegiatan pertanian yang berkua-

liti dan berkesan di peringkat universiti masing-masing.

Sebagai contoh, Universiti Cornell di Amerika Syarikat (AS) yang memang popular sebagai antara universiti terbaik dalam pembangunan pertanian di negara itu.

Begitu juga dalam bidang pembangunan pendidikan makanan halal antarabangsa. Dunia lebih awal mengiktiraf Universiti Chulalongkorn di Thailand berbanding universiti lain di dunia, walaupun di negara Islam sendiri.

Oleh yang demikian, MOA seharusnya mengambil iktibar daripada kekuatan universiti berkenaan dalam pertanian walaupun turut menjalankan pengajian dalam pelbagai disiplin ilmu yang lain.

Apa yang sepatutnya dilakukan oleh MOA ialah membangunkan modal insan di peringkat lapangan seperti melahirkan pekerja mahir pertanian, juruteknik, penyelia dan

pengurus sektor pertanian.

Institusi Latihan Pertanian di bawah MOA perlu diperkasakan dari segi kualiti kemahiran tetapi dalam masa yang sama mengekalkan status quo untuk melahirkan pekerja mahir di lapangan.

Walaupun tidak banyak pusat latihan kemahiran swasta tetapi beberapa institusi yang ada memperlihatkan prestasi yang jauh lebih baik daripada pusat latihan kemahiran di bawah MOA.

Ini berdasarkan pengalaman syarikat saya sendiri menerima graduan daripada MOA dan pusat latihan swasta terbabit.

Memandangkan perbelanjaan yang besar, adalah lebih baik peruntukan penubuhan universiti yang dicadangkan disalurkan kepada IPTA terbabit dengan kaedah yang berkesan seperti mana titah Tuanku Sultan Selangor.

**DR. SAIFUL FIRDAUS SUFAAT**  
Bekas graduan UPM